

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JKA 411 - Agama dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab soalan 1 (WAJIB) di Bahagian A, SATU soalan daripada Bahagian B dan SATU soalan daripada Bahagian C. Jumlah soalan yang perlu dijawab ialah tiga. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

BAHAGIAN A

Jawab soalan 1 (WAJIB).

1. Pilih 3 daripada yang berikut dan berikan definisi dan huraian ringkas:

- (a) shamanisme
- (b) anamisme
- (c) mitos
- (d) sihir
- (e) magis
- (f) upacara amal/lazim

(100 markah)

BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan di bahagian ini.

2. Jelaskan fungsi mitos ATAU upacara amal dalam proses pemasyarakatan dan kawalan sosial.

(100 markah)

3. Huraikan peranan agama mengikut pendekatan Durkheim.

(100 markah)

4. Bincangkan tahap-tahap evolusi agama mengikut saranan Frazer dan Tylor.

(100 markah)

BAHAGIAN C

Jawab SATU soalan daripada bahagian ini.

5. Pilih satu mitos dari agama mana-mana komuniti di Malaysia dan huraikannya mengikut pendekatan strukturalisme.

(100 markah)

6. Huraikan unsur-unsur dan punca sinkretik di dalam kepercayaan dan amalan di dalam masyarakat Melayu atau Cina atau India di Malaysia.

(100 markah)

7. Adakah kepercayaan dan amalan anamisme masyarakat Orang Asli di Malaysia Barat berupa suatu agama mengikut definisi sosiologi dan antropologi?

(100 markah)

oooOooo